

TEKS UCAPAN DATO' SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
KUBANG PASU
MAJLIS PERASMIAN DESA I.T. 2001
03 SEPTEMBER 2001

Syukur Alhamdulillah, kita dapat berkumpul di sini dari beberapa pihak dengan kurniaan Allah S.W.T., untuk menyampaikan hajat dan usaha Unit Kaunseling, Bahagian Hal Ehwal Pelajar-Pelajar dan Sukan, MMU, Cyberjaya. Tujuan ini adalah untuk memberi latihan dan gunaan komputer kepada penduduk-penduduk di mukim Pelubang dan Jerlun dalam rancangan projek Desa I.T. 2001, Kubang Pasu.

2. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Universiti Multimedia di atas kelolaan Unit Kaunseling, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Sukan serta komitmen bersepadu yang diberikan oleh penduduk mukim Jerlun dan Pelubang dalam njayakan program Desa I.T. 2001 - Kubang Pasu ini.

3. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak universiti dan penduduk kampung kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan program Desa I.T. 2001 - Kubang Pasu ini. Memang sudah menjadi impian saya, agar Universiti Multimedia yang terkenal dengan kemahiran mahasiswanya dalam menggunakan dan mengaplikasikan eknologi Maklumat untuk bersama-sama berkongsi pengetahuan dengan penduduk Kubang Pasu.

4. Kesungguhan pihak yang menjayakan upacara perasmian dengan penuh gemilang ini membuktikan semangat baru para mahasiswa yang sanggup turun ke padang bersama-sama penduduk desa sekaligus menggembleg tenaga dalam memupuk kesedaran terhadap betapa pentingnya pengetahuan dalam bidang Teknologi Maklumat bagi menjana kemajuan negara. Ini sekaligus membuktikan saranan dan cabaran menjayakan Wawasan 2020 tidak sahaja tertumpu kepada generasi alaf baru iaitu para mahasiswa tetapi juga penduduk-penduduk desa.

5. Dengan kemajuan yang telah kita alami dan kepesatan pembangunan dalam bidang Teknologi Maklumat yang diilhamkan oleh Perdana Menteri kita, kita percaya bahawa negara kita cukup bersedia untuk menghadapi arus globalisasi pada masa ini ditambah dengan iltizam para mahasiswa dari Universiti Multimedia ini untuk sama-sama menghadapi dunia globalisasi penuh mencabar.

6. Kita lihat betapa pentingnya pengetahuan I.T. ini dipelajari dan dituntut bukan sahaja oleh para mahasiswa dan golongan muda serta profesional tetapi juga oleh penduduk desa dan pendalaman. Ini kerana, bagi menghadapi arus globalisasi yang mencabar ia memerlukan budaya ilmu terutama Teknologi Maklumat dan komputer dipelajari oleh segenap lapisan masyarakat.

7. Daerah Kubang Pasu ini adalah daerah yang saya jagai sebagai Pegawai Kesihatan Daerah dari tahun 1967 hingga 1974. Di sinilah anggota-anggota kesihatan berlatih, termasuklah jururawat-jururawat desa kumpulan pertama,

pengawas-pengawas kesihatan dan bidan-bidan kampung. Anggota-anggota ini sesudahnya memberi maklumat kesihatan kepada penduduk kampung supaya mereka sedar, faham dan mempraktikkan amalan-amalan kesihatan yang baik.

8. Di sinilah saya sendiri menimba pengetahuan mengenai cara hidup dan masalah-masalah kesihatan penduduk kampung. Di sinilah saya telah faham bagaimana mudahnya berkecimpung dengan penduduk kampung kalau sama-sama bekerja, sama-sama memahami tujuan, sama-sama ikhlas dan berniat mulia dan suci. Kemana saya tidak pergi dengan Tok Penghulu dan Ketua Kampung: berbot di sungai, bermotor di belakang Tok Penghulu.

9. Mula pada tahun 1983, Universiti Malaya menghantar pelajar-pelajar tahun 5 perubatan ke Kubang Pasu berlatih di sini selama 2 minggu untuk mengkaji kesihatan luar bandar dan memberi maklumat mengenai ilmu kesihatan.

10. Kini, MMU menghantar 160 pelajar-pelajar mereka untuk mengajar penduduk-penduduk kampung di sini satulagi ilmu yang tercanggih sekali - cara mengenal dan mengguna komputer supaya penduduk desa celik I.T. - Teknologi Maklumat.

11. Saya, selaku canselor UMM, amat berasa bangga bahawa pelajar-pelajar muda UMM berada di daerah Kubang Pasu - daerah yang saya bertugas dahulu, dan saya mengalu-alukan program seumpama ini.

12. Gunalah peluang yang ada selama beberapa hari ini, untuk menyelami kehidupan dan perasaan masyarakat tani dan nelayan di daerah Kubang Pasu. Saya percaya, suasana akrab dan kekeluargaan yang mesra yang terbentuk antara keluarga angkat, terutama sekali ibu dan ayah di sini, akan tetap berkekalan.

13. Bagi para penduduk kampung dan belia, ambillah kesempatan beberapa hari ini, untuk mengenali dengan lebih dekat lagi mahasiswa-mahasiswa dari MMU, yang pada hari ini bersemangat waja dan dengan penuh tulus ikhlas sanggup berjauhan dengan ayah dan ibu pada cutian mereka semata-mata demi menyampaikan pengetahuan yang mereka pelajari, dan menimba pengalaman tinggal bersama-sama keluarga angkat.

14. Penduduk Kubang Pasu telah pun terdedah dengan komputer dan I.T. sebelum ini dari pihak lain, tetapi tidak kesemuanya penduduk daerah dapat makluman ini dengan secara serentak. Kini, penduduk kampung dilatih dalam rumah masing-masing oleh anak-anak angkat dari MMU. Oleh itu, belajarlah dengan bersungguh-sungguh - jangan takut menggunakan komputer itu dengan baik.

15. Harapan saya, agar program ini mampu menjadi salah satu titik tolak ke arah pembentukan generasi I.T. dari segenap pelusuk masyarakat termasuk desa dan demi merealisasikan Wawasan 2020. Saya harap lebih banyak program berbentuk ilmiah dengan penglibatan masyarakat setempat dan para pelajar diadakan dengan lebih aktif lagi. Ini kerana program-program seumpama ini akan memastikan keunggulan

sahsiah serta pencapaian intelek yang memberangsangkan di kalangan generasi pada hari ini yang seterusnya akan menjadikan wawasan kita tidak sekadar omongan semata-mata.

16. Akhir kata, saya ucapkan selamat maju jaya kepada pihak penganjur dan semoga program ini mampu membawa ke arah integrasi antara pelajar dalam menghadapi alam globalisasi yang begitu mencabar dalam alaf baru ini. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan ini merasmikan program Desa I.T. 2001 - Kubang Pasu.